

Wujudkan Makmal Instrumen Guna Sama

Langkah berjimat di UMS

UM 4.9.2013 28



MOHD. Harun Abdullah (dua dari kiri) menandatangani plak perasmian Makmal Instrumen Guna Sama UMS sambil disaksikan oleh Shariff AK Omang (kiri), Shahril Yusof (dua dari kanan) dan Felix Tongkul di Sekolah Sains Teknologi UMS di Kota Kinabalu, Sabah, kelmarin.

Oleh SITTI NOR AZIZAH TALATA

utusansabah@utusan.com.my

KOTA KINABALU 3 Sept. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) menubuhkan Makmal Instrumen Guna Sama dalam usaha mempraktikkan langkah penjimatan di Universiti Eko Kampus berkenaan.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, penubuhan itu amat wajar bagi memperbanyak kemudahan bersifat guna sama dan dapat dimanfaatkan secara maksimum.

"Penubuhan makmal guna sama ini juga mampu memantapkan aktiviti penyelidikan, membantu aktiviti pengajaran selain mampu menjaga pendapatan melalui perkhidmatan kepada pihak luar termasuk industri," katanya ketika berucap merasmikan makmal itu di Sekolah Sains Teknologi UMS di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Shariff Omang; Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dr. Shahril Yusof dan Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof. Dr. Felix Tongkul.

Mohd. Harun berkata, makmal

tersebut akan dikendalikan Unit Instrumentasi, Pusat Penyelidikan dan Inovasi sebagai langkah awal ke arah penubuhan Pusat Instrumentasi dan Pengukuran serta pelan strategik perancangan UMS sehingga tahun 2020.

Tambah beliau, penubuhannya juga amat bertepatan dalam menjayakan konsep perkongsian keapakan yang dilihat mampu meningkatkan tahap kemahiran dan persaingan kakitangan makmal UMS secara keseluruhannya.

"Sebagai contoh, kakitangan makmal di sekolah, pusat, institusi atau unit yang dikenal pasti mahir dalam mengendalikan instrumen boleh membantu mengendalikan instrumen yang terdapat di makmal ini.

"Bagi tujuan pembangunan kemahiran dan kecekapan kakitangan, Unit Instrumentasi akan membantu mengurus latihan kemahiran dan persaingan kakitangan berkenaan," ujarnya.

Dalam majlis itu, beliau turut mengemukakan sebuah bangunan Makmal Penyelidikan Bersepadu dijangka akan dimiliki UMS tahun depan yang membolehkan pengurusan fasiliti dilaksanakan dengan lebih teratur dan efisien.